

SULIT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

NO. SOALAN : 44

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kementerian membuat pemantauan terhadap ladang-ladang Agropolitan melalui agensi RISDA misalnya yang dilihat kurang berjaya.

SULIT

JAWAPAN:

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Projek Agropolitan merupakan projek di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB), KKLW. Projek ini bertujuan menghapuskan kemiskinan luar bandar melalui peningkatan pendapatan, meningkatkan kualiti hidup serta mempercepatkan pembangunan di kawasan mundur, terpencil dan terbiar.

Pihak KKLW dan agensinya termasuk RISDA sebagai pelaksana projek komited dalam menjayakan Projek Agropolitan. Justeru, Kementerian telah membuat pemantauan secara bulanan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Transformasi Fizikal dan secara berkala sekurang-kurangnya 4 kali setahun dalam Mesyuarat PLMLB untuk memastikan ladang-ladang di bawah Projek Agropolitan diselenggara mengikut jadual dan masalah-masalah yang timbul dapat ditangani secara berkesan.

Pihak Kementerian juga melakukan pemantauan menerusi Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) dan lawatan ke tapak projek. Lawatan pemantauan ini dilakukan oleh pihak Kementerian dan Pejabat Cawangan Negeri yang dilakukan secara berkala dan lebih kerap sekiranya terdapat isu yang perlu diselesaikan.

Dalam memastikan kejayaan ladang-ladang Agropolitan ini, Kementerian bukan sahaja membuat pemantauan bahkan turut bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain baik di peringkat persekutuan mahupun di peringkat negeri dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul.